

Siapa pilihan Taib?

PARTI-PARTI komponen Barisan Nasional di Semenanjung yang terlibat dalam pemilihan kepimpinan parti selesai mengadakan perhimpunan agung masing-masing. MCA, Gerakan dan MIC telah memilih pemimpin mereka.

Hanya MCA tidak mengalami banyak perubahan. Walaupun semua jawatan ditandingi tetapi kebanyakan pemimpin mereka kekal dengan jawatan masing-masing.

Sementara Gerakan dan MIC menyaksikan perubahan jawatan - Timbalan Presiden dan Naib-Naib Presiden. Bagi jawatan Presiden, tidak ada perubahan. Lim Keng Yaik dan S. Samy Vellu kekal.

Gerakan menyaksikan kehadiran Dr. Koh Tsu Koon sebagai Timbalan Presiden. Beliau menang tanpa bertanding selepas Kerk Choo Ting mengosongkan kerusi berkenaan untuk mencabar jawatan Presiden.

Begitu juga dalam MIC. Penyandang jawatan Timbalan Presiden selama 24 tahun, S. Subramaniam gagal mempertahankan jawatannya selepas tewas kepada 'anak didik' Presiden iaitu G. Palanivel.

Begitulah nasib dua Timbalan Presiden berkenaan.

Kini tumpuan beralih ke Sarawak Pasti nya pemilihan dalam Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Sarawak akan menarik perhatian ramai.

Pemilihan itu sepatutnya diadakan September tahun lalu tetapi ditunda memandangkan pilihan raya umum negeri ketika itu dikatakan semakin hampir.

Kini segala-galanya sudah berlalu dan BN mengekalkan pemerintahan di negeri itu pada pilihan raya yang diadakan pada 20 Mei lalu.,

Cemerlang

Sekali lagi PBB menunjukkan kecemerlangan walaupun ada komponen yang hilang banyak kerusi.

Berbalik kepada PBB, berdasarkan kecemerlangan pada pilihan raya itu, apakah pemilihan kali ini tidak akan menyaksikan sebarang pertandingan? Mungkinkah para perwakilan perhimpunan PBB kali ini sudah berpuas hati dengan kepimpinan yang ada?

Khabarnya pemilihan yang ditangguhkan itu akan berlangsung tidak lama lagi. Maka bermulalah pelbagai cakap politik mengenai siapa lawan siapa untuk jawatan-jawatan utama termasuk Presiden dan Timbalan Presiden.

Tetapi apakah Abdul Taib Mahmud akan dicabar? Pasti nya kedudukan Ketua Menteri itu tidak akan tergugat

Fokusnya tentu kepada jawatan Timbalan Presiden yang kini disandang Abang Johari Tun Openg (sayap bumiputera) dan Alfred Jabu (sayap Pesaka) (gambar atas).

Pada pemilihan 2002, Taib, Abang Jo dan Jabu menang tanpa bertanding. Begitu juga dengan lima Naib Presiden yang turut mengekalkan jawatan tanpa dicabar.

Tetapi apa pula kali ini? Ura-ura mengenai pertandingan sudah lama dibincangkan. Ini kerana pemimpin yang dipilih kali ini bakal memimpin Sarawak. Cakap-cakap mengenai jawatan ini semakin panas berikutan peletakan jawatan Adenan Satem sebagai Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar pada Februari lalu. Peletakan jawatan itu dikaitkan dengan persediaan beliau untuk kembali berkhidmat di negeri seterusnya disebut-sebut sebagai calon untuk menggantikan Ketua Menteri.

Bagaimanapun, ramalan itu meleset apabila pembentukan Kabinet kerajaan negeri selepas pilihan raya lalu tidak menamakan Adenan. Ramai yang tertanya-tanya di mana kedudukan Adenan yang sebelum itu begitu kuat menyatakan akan menyertai Kabinet negeri.

Tanpa jawatan dalam kerajaan negeri, sudah tentu peluangnya akan terjejas. Bagaimanapun ini tidak menghalang beliau bertanding jawatan berkenaan.

Mengimbas kembali pemilihan pada 1998, pertandingan untuk jawatan Timbalan Presiden berlangsung sengit apabila Abang Jo dan Adenan mencabar kedudukan Abang Abu Bakar Mustapha, yang ketika itu sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Bagaimanapun dalam pertandingan tiga penjurong itu, Abang Abu Bakar tewas apabila beliau hanya memperoleh 27 undi manakala Abang Jo, 373 undi.

Adenan pula yang ketika itu sebagai Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sarawak memperoleh 268 undi.

Kini Adenan adalah Naib Presiden kanan yang dilantik pada pemilihan 2002 bersama Celestine Ujang.

Apakah Adenan akan mencuba nasib sekali lagi? Semuanya ini bergantung kepada petunjuk daripada Abdul Taib selaku Ketua Menteri dan Presiden PBB.